



# **SIARAN MEDIA**

*Media Release*

## **INDEKS HARGA PENGGUNA**

*Consumer Price Index*

(Jan 2015=100)

**FEBRUARI 2026**


***FEBRUARY 2026***




# INDEKS HARGA PENGGUNA FEBRUARI 2026

## Penyumbang Utama Tahun-ke-Tahun

FEB 26 | FEB 25 ▼ 0.3%



FEB 26 | JAN 26 ▲ 0.2%



### Makanan dan Minuman Ringan

▲ 0.7%

#### Ikan dan Makanan Laut



▲ 4.8%

#### Buah-buahan



▲ 3.2%

#### Kopi, Teh dan Koko



▲ 4.7%

### Bukan Makanan

▼ 0.5%

#### Rekreasi dan Kebudayaan



▼ 2.9%

#### Perhubungan



3.5%

#### Pakaian dan Kasut




▼ 1.2%

Bakul IHP bernilai BND100.00 pada Jan 2015 kini bernilai **BND105.95** pada bulan **Feb 2026**



## Trend IHP 2019 - 2026



### Nota

- IHP mengukur perubahan harga purata bakul barangan dan perkhidmatan yang tetap yang dibayar oleh isirumah pada tempoh yang tertentu.
- Perubahan bulan-ke-bulan bermaksud perbandingan harga dengan bulan sebelumnya.
- Perubahan tahun-ke-tahun bermaksud perbandingan harga dengan bulan yang sama pada tahun sebelumnya.



**SIARAN MEDIA  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**INDEKS HARGA PENGGUNA  
FEBRUARI 2026  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**INDEKS HARGA PENGGUNA MENURUN 0.3 PERATUS BAGI BULAN FEBRUARI 2026**

**Perbandingan bulan Februari 2026 dan Februari 2025**

1. Bagi bulan Februari 2026, Indeks Harga Pengguna (IHP) menurun sebanyak 0.3 peratus berbanding bulan Februari 2025, disebabkan oleh penurunan indeks Bukan Makanan sebanyak 0.5 peratus. Manakala, indeks Makanan dan Minuman Ringan mencatatkan peningkatan sebanyak 0.7 peratus.
2. Penurunan indeks Bukan Makanan adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan kos Rekreasi dan Kebudayaan (2.9 peratus), khususnya perkhidmatan langganan penstriman media atas talian; Perhubungan (3.5 peratus), khususnya pakej perkhidmatan internet; dan Pakaian dan Kasut (1.2 peratus).
3. Bagi indeks Makanan dan Minuman Ringan, peningkatan tersebut adalah terutamanya didorong oleh kenaikan harga Ikan dan Makanan Laut (4.8 peratus), khususnya ikan segar; Buah-buahan (3.2 peratus) khususnya buah-buahan segar tropika; dan Kopi, Teh dan Koko (4.7 peratus).


**Perbandingan bulan Februari 2026 dan Januari 2026**

4. Bagi perbandingan bulan-ke-bulan, IHP Februari 2026 meningkat sebanyak 0.2 peratus daripada bulan Januari 2026, didorong oleh peningkatan kedua-dua indeks Makanan dan Minuman Ringan, dan indeks Bukan Makanan masing-masing sebanyak 0.6 peratus dan 0.1 peratus.
5. Peningkatan indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya didorong oleh peningkatan harga Daging (1.0 peratus); Ikan dan Makanan Laut (1.1 peratus); dan Sayur-sayuran (1.5 peratus). Manakala, peningkatan indeks Bukan Makanan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga-harga Pakaian dan Kasut (5.2 peratus); Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan (0.3 peratus); dan Perhiasan, Perkakasan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah (0.3 peratus).
6. IHP mengukur perubahan harga bakul barangan dan perkhidmatan tetap yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Februari 2026 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn/>




# CONSUMER PRICE INDEX FEBRUARY 2026

FEB 26 | FEB 25 ▼ 0.3%



FEB 26 | JAN 26 ▲ 0.2%



## Main Contributors Year-on-Year

### Food and Non-Alcoholic Beverages

▲ 0.7%

#### Fish and Seafood



▲ 4.8%

#### Fruits



▲ 3.2%

#### Coffee, Tea and Cocoa



▲ 4.7%

### Non-Food

▼ 0.5%

#### Recreation and Culture



▼ 2.9%

#### Communication



▼ 3.5%

#### Clothing and Footwear




▼ 1.2%

The CPI basket worth BND100.00 in Jan 2015 is now worth **BND105.95** in Feb 2026



## CPI Trend 2019 - 2026



### Notes

- CPI measures the average change of prices of a **fixed** basket of goods and services paid by households in a certain period of time.
- Year-on-year means to compare prices with the same month in the previous year.
- Month-on-month means to compare prices with the previous month.



**MEDIA RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**CONSUMER PRICE INDEX**  
**FEBRUARY 2026**  
**BRUNEI DARUSSALAM**

---

**CONSUMER PRICE INDEX DECREASED BY 0.3 PER CENT IN FEBRUARY 2026**

***Comparison of February 2026 and February 2025***

1. *In February 2026, the Consumer Price Index (CPI) decreased by 0.3 per cent compared to February 2025, mainly due to a 0.5 per cent decrease in the Non-Food index. Meanwhile, the Food and Non-Alcoholic Beverages index recorded an increase of 0.7 per cent.*
2. *The decrease in the Non-Food index was mainly contributed by lower costs of Recreation and Culture (2.9 per cent), particularly online media streaming subscription services; Communication (3.5 per cent), specifically internet service packages; and Clothing and Footwear (1.2 per cent).*
3. *As for the Food and Non-Alcoholic Beverages index, the increase was mainly driven by an increase in prices of Fish and Seafood (4.8 per cent), particularly fresh fish; Fruits (3.2 per cent), specifically fresh tropical fruits; and Coffee, Tea and Cocoa (4.7 per cent).*

***Comparison of February 2026 and January 2026***

4. *On a month-on-month basis, the CPI in February 2026 increased by 0.2 per cent from January 2026, driven by increases in both the Food and Non-Alcoholic Beverages index, and the Non-Food index by 0.6 per cent and 0.1 per cent, respectively.*
5. *The increase in the Food and Non-Alcoholic Beverages index was mainly due to increases in prices of Meat (1.0 per cent); Fish and Seafood (1.1 per cent); and Vegetables (1.5 per cent). Meanwhile, the increase in the Non-Food index was mainly due to the rise in prices of Clothing and Footwear (5.2 per cent); Miscellaneous Goods and Services (0.3 per cent); and Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance (0.3 per cent).*
6. *The CPI is a measure of price changes of a fixed basket of goods and services purchased by consumers in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for February 2026 is available from the DEPS website at <https://deps.mofe.gov.bn/>*